

Sarjit dilantik Felo Adjung IPPBM, ahli IIM

SERDANG Aktivis sosial dan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia , Dr. Sarjit Singh Darshan Singh Gill dilantik sebagai Felo Adjung di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) dan ahli Institut Integriti Malaysia (IIM) baru-baru ini.

Pelantikan di IPPBM oleh Kementerian Belia dan Sukan itu berkuat kuasa 1 November lalu selama setahun manakala pelantikan sebagai ahli IIM adalah untuk dua tahun bermula 1 Januari lalu.

Mengulas pelantikan itu, beliau berhasrat untuk memajukan bidang sains sosial di peringkat universiti dan antarabangsa terutama pengajian minoriti seperti komuniti belia dan membudayakan integriti rakyat Malaysia.

“Pelantikan seumpama ini memberi peluang kepada staf akademik UPM untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara,” katanya yang merancang untuk meningkatkan jaringan bestari lebih luas antara UPM dengan IPPBM dan IIM.

Sarjit berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah berkhidmat di UPM sejak tahun 2000.

Beliau pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia UNESCO di Bangkok.

Beliau juga kerap menulis artikel mengenai isu-isu tempatan mengenai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan dalam beberapa majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan akhbar tempatan.